

Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907



Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907



Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907

GLAM
OGOS 2013



DARI KIRI
Nora Danish
Nelydia Senrose
Adi Putra
Amar Asyraf
Fiza Sabjahan
Noor Neelofa

Semua menyaring himpunan pramusim luruh 2013 ilham Versace, Kasut Adi daripada Bottega Veneta dan kasut Amar berjenama Bally.

Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907

GLAM

WAJAH GLAM

The All Stars


Pelakon filem sudah hilang taringnya. Tidak macam dahulu yang sering diletakkan tinggi dalam persada seni, kini masyarakat lebih terpicat dengan lenggok lakonan dan petah bicara mereka yang menghiasi televisyen. GLAM himpulkan wajah-wajah utama yang punya taring tersendiri lantas mampu mencipta ombak baru dalam dunia hiburan.



Suasana White Studio cukup meriah. Seawal jam lapan pagi sudah diisi dengan tawa riang daripada selebriti yang menghiasi kulit majalah GLAM. Tergantung helaian serba hitam yang berselera penuh seksi daripada Versace. Koleksi pramusim luruh 2013 jenama hangat asal Itali ini cukup kuat lantas mampu membiaskan sisi sensual para selebriti televisyen. Seluruh *editorial team* GLAM hadir ke sesi penggambaran kulit majalah, masing-masing tidak sabar untuk melihat aksi Nelydia Senrose, Amar Asyraf, Nora Danish, Adi Putra, Fiza Sabjahan dan Noor Neelofa beraksi di hadapan lensa kamera.

TEKS: AIZAT AIDID

Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907



GLAM

WAJAH GLAM

Semua yang menjadi pilihan GLAM buat menghiasi ruang Wajah GLAM mempunyai resume cukup kuat. Siapa mampu menidakkan ledakan drama Setia Hujung Nyawa lakonan Nelydia Senrose bersama Amar Asyraf. Dalam usia muda mereka mampu membawa watak yang cukup kuat. Nora Danish dan Adi Putra pula tidak perlu diperkenalkan lagi. Setiap hasil drama mereka menjadi bual bicara, lagi-lagi melalui drama Tentang Dhia. Rangkaian TV3 juga bangga dengan barisan pengacara mereka, Fiza Sabjahan yang pernah menjadi wajah utama Nona dan kini Noor Neelofa pula mengemudi rancangan itu yang sudah lama mekar di TV3.

NORA DANISH

Nora Danish hadir dalam persalinan ringkas. Seluar denim dan baju-T serta beg Chanel dibiarkan tersilang atas bahu. Bukan kali pertama wanita genit ini menghiasi kulit majalah GLAM. Tahun lalu dia membuka bicara bersama GLAM tentang kehidupan dan cintanya pada si kecil, Rayqal yang kini sudah masuk usia empat tahun. "Tahun ini, saya mahu mengajar Rayqal berpuasa, biarpun usianya masih muda. Inilah masa paling sesuai untuk belajar berpuasa meski hanya dapat bertahan separuh hari ia sudah bermakna. Lagi pun, Rayqal ini memang susah mahu makan, memilih sangat. Mungkin senang untuk dia berpuasa. Kami sekeluarga juga mahu cuba untuk khatam Al-Quran pada bulan yang mulia ini."

Bicara tentang raya kami terus disambung dengan pilihan fesyen Nora Danish. "Sekarang ini tidak perlu lagi menempah baju. Ramai pereka fesyen lokal mengeluarkan pilihan *ready-to-wear* yang cukup cantik seperti di InnaiRed dan Pu3. Apa yang paling penting adalah keselesaan. Kadangkala kita lupa yang pagi Syawal banyak kerja perlu di lakukan dan pergi menziarahi rumah sanak saudara, maka

saya memerlukan potongan yang memudahkan langkah." Pilihan lain Nora termasuklah helaian baju raya moden di Jovian Mandagie yang cukup glamor.

Pelakon yang beraksi dalam drama Tentang Dhia, gandingan mantap dalam slot Akasia di samping Adi Putra ini juga terus menjadi bualan peminat dunia hiburan. Pertama, apabila dia ambil keputusan untuk memotong rambut pendek di bahagian sisi. Penuh kata nista dalam Instagram setelah Nora memuat naik gambar itu. "Ini adalah saya yang

sebenarnya. Sudah lama saya mengimpikan gaya rambut sebegini, cuma kini saya berani untuk mencuba."

Kedua, apabila terpaparnya gambar Nora Danish melawat Fasha Sandha yang sedang berpantang. "Kami tidak dapat lari dari cerita lalu. Fikirkan sudut yang lebih positif. Jodoh dan pertemuan itu di tangan Allah. Kami pelajari banyak benda, jangan melebihi apa benda yang boleh dikawal," ujar Nora Danish yang kini lebih

matang menyusun langkah dan merancang untuk membina empayar perniagaan keluarga dalam dunia kecantikan.

ADI PUTRA Sebenarnya, sudah lama kami mahukan Adi Putra untuk menghiasi ruangan GLAM. Sering kali tergendala kerana jadualnya penuh di lokasi penggambaran. Lagi-lagi sekarang sesudah menimang cahaya mata yang diberi nama Zara Adelia Haadi. Dia mahu menghabiskan masa bersama. "Itulah anugerah Syawal tahun ini. Dikurniakan anak perempuan. Kami seluruh keluarga tidak sabar untuk menyiapkan dia di pagi Lebaran dengan helaian baju raya yang cantik," kongsi Adi Putra yang dipilih oleh saluran TV3 sebagai wajah utama sambutan Ramadan dan Raya. Pelakon ini bakal beraksi dalam filem *Suami Aku Ustaz* bersama Nora Danish.



'MOMEN YANG SAYA LALUI BERBELAS TAHUN INI MEMATANGKAN DIRI SENDIRI'

Adi Putra

Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907

*Nora
Danish &
Adi Putra*

Nora dalam
persalinan kemeja
renda dan Adi
menyarung sut sutera
semuanya ilham
Versace.



Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907



*Amar
Asyraf
& Nelydia
Senrose*

Pelakon drama Setia Hujung Nyawa Raya, Nelydia Senrose memilih jaket dengan perincian fur bersama skirt sifon. Kasut Bottega Veneta. Amar Asyraf pula dalam persalinan sut Versace dan kasut Bally.

Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907

GLAM

WAJAH GLAM

Lebih terkenal sebagai pelakon dan kini mencuba nasib menjadi pengarah bersama filem Suami Aku Ustaz dengan Ghaz Abu Bakar, namun masih meletakkan bidang lakonan sebagai tunggak utama kerjayanya. "Kini resume saya bercambah lagi. Setelah dijemput menjadi wajah buat musim Ramadan dan Raya di TV3, ia adalah *environment* baru diri ini. Jika berlakon saya perlu sampaikan watak yang diberikan oleh pengarah tetapi sebagai duta di TV3 saya perlu menjadi diri sendiri. Setiap misi menjadi juruhebah perlu diberikan dengan tulus."

Perjalanan sebagai anak seni bukan semuanya indah. Namun, itu yang memberi kekuatan buat Adi Putra melangkah gagah. "Sebenarnya, semua pengalaman itu cukup indah. Biar pahit itu kita telan, agar dapat merasa kemanisan. Seperti makan habbatus sauda, ia memang

pahit. Lama kelamaan, ia akan berakhir dengan kemanisan. Momen yang saya lalui berbelas tahun ini memantapkan diri sendiri," jelas Adi yang beraksi sekali lagi bersama Nora Danish dalam telemovie Raya bertajuk Ijab Dan Kabul di saluran TV3.

NELYDIA SENROSE Penangan drama Setia Hujung Nyawa yang merupakan adaptasi daripada novel nukilan Fatin Nabila disiarkan menerusi slot Akasia di saluran TV3 memang cukup kuat sekali. Hanya berbekalkan dua wajah yang masih muda di dalam dunia lakonan, drama siri ini mencipta momen penting dengan mendapat rating tinggi. Pujian harus diberikan kepada pelakon wanita utama drama siri Setia Hujung Nyawa, Nik Zaris Nelydia Senrose Nik Sen yang baru berumur 19 tahun ketika mendapat kepercayaan memegang watak Ersalina. Pelakon berasal Kota Bharu ini sebenarnya sudah berkecimpung dalam dunia lakonan sejak usia 13 tahun lagi dan bakal muncul dalam telemovie Setia Hujung Nyawa khas buat rancangan Syawal di TV3.

"Setelah mengetahui Setia Hujung Nyawa menjadi salah satu drama paling tinggi rating-nya di TV3, saya cukup gembira sehingga sekarang masih tidak percaya. Saya dan seluruh krew drama membuat sehabis baik, langsung tidak mengendahkan sama ada ia bakal mendapat tempat di hati peminat atau tidak. Ini semua berkat usaha yang kami berikan," kongsi Nelydia

yang juga bakal beraksi dalam drama siri terbaru buat slot Akasia bertajuk Syurga Tanpa Bidadari dan masih menumpukan pengajian dalam bidang psikologi di kolej swasta di ibu kota.

Sempat saya bertanya, apa yang Nelydia belajar dari dunia hiburan? "Ini mungkin jawapan paling jujur yang boleh saya katakan, sebenarnya industri ini menyuruh kami untuk menjadi diri sendiri, tapi mereka masih

menghukum kami biarpun kami menjadi diri sendiri. Tidak perlulah selebriti mempamerkan kehidupan mereka seluruhnya kepada peminat. *Keep your private life aside*. Permainan industri seni ini sangat nakal." Momen penting buat pelakon yang pernah muncul melalui drama siri Spa Q ini adalah ketika peminat menghargai setiap hasil lakonan yang diberikan.

AMAR ASYRAF Amar Asyraf ini ada pengikutnya yang tersendiri. Mana mungkin 102,644 profil yang menjadi peminat di laman Facebook Amar Asyraf salah tentang kedudukan pelakon dan bekas graduan Aswara sebagai penyambung nafas seni hiburan tanah air. Lagaknya ketika hadir ke sesi fotografi juga ada aura yang cukup menyenangkan. Langkah terjaga rapi. "Sebenarnya, minat yang membawa saya ke dalam dunia lakonan. Saya cukup cintakan dunia teater. Sejak di Aswara lagi saya sudah mula berkecimpung dalam pentas teater dan sempat menjadi pengarah buat beberapa teater.




'TIDAK
PERLULAH SELEBRITI
MEMPAMERKAN
KEHIDUPAN MEREKA
SELURUHNYA.
KEEP YOUR PRIVATE
LIFE ASIDE'

Nelydia Senrose



Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907



GLAM

WAJAH GLAM

Sejujurnya, dunia teater ini yang mengajar saya untuk menjadi insan yang lebih baik.”

Sambung Amar Asyraf yang baru sahaja mendirikan masjid cinta, “Teater membentuk diri saya sekarang. Saya belajar bagaimana untuk menguruskan kehidupan dan karier. *How do I want to be? And who do I want to be?* Semua persoalan ini saya dapat dengan menceburkan diri dalam seni pentas teater.” Apa pengalaman menarik bersama Erma Fatima? “Wanita ini adalah personaliti penting yang memperkenalkan saya kepada dunia lakonan televisyen. Pada mulanya saya hanya bekerja sebagai krew di bawah telunjuk kreatif Erma Fatimah selepas tamat pengajian di Aswara. Sehingga pada satu hari pengarah terkenal ini memberi watak *second lead*. Tidak dapat saya lupakan apabila dapat berlakon di samping Rozita Che Wan dan Neelofa melalui drama Kasih Najihah.”

Buat pelakon utama Setia Hujung Nyawa, anugerah Syawal tahun ini tentu sekali kerana dapat beraya sebagai pasangan suami isteri buat kali pertama. “Saya ini jenis yang paling ringkas. Kadang-kadang, Baju Melayu yang tiga tahun lepas dipakai semula. Jika dahulu *shopping* raya hanya khusus buat ibu dan ayah, kini saya kena memberi fokus kepada isteri. Semuanya saya serahkan kepada isteri. Dia merancang warna baju sehinggalah hidangan kuih yang hendak dibeli,” ujar Amar yang bakal beraksi kembali melalui watak Zain Hakimi dalam telemovie Setia Hujung Nyawa khas tayangan buat Syawal di TV3 dengan plot yang menarik bersama penambahan watak dan rencah drama ini.

Pelakon ini baru sahaja berumah tangga dengan cinta hati selepas lebih dua tahun menyulam cinta. “Dia adalah insan paling istimewa. Cukup memahami kerjaya saya. Biarpun isteri saya bukan dalam dunia seni, dia masih faham jiwa saya yang

cukup cintakan dunia kreatif ini,” ujar Amar yang bakal keluar dengan drama terbaru arahan Michael Ang bertajuk Bila Hati Perempuan Menjerit. “Ada *telemovie* bersama Siti Saleha. Tajuknya Ciptaan Terindah khas buat TV3.” Fokus dunia pengarahan pula hanya buat dunia teater kerana dunia lakonan ini masih baru dan mahu beri masa lebih lima tahun agar dapat mendalami dunia perfileman.

NOOR NEELOFA Noor Neelofa Mohd Noor kini sudah kembang mekar menjadi wanita yang punya visi dan misi tersendiri. Saya dari jauh melihat perjalanan bekas pemenang Dewi Remaja ini. Biarpun punya pelbagai halangan, semuanya menjadi peringatan dan tauladan buat

pelakon dan pengacara yang hidup dalam keluarga cukup besar ini. Langkahnya sahaja sudah nampak, dia bijak, lantas disokong dengan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia yang sungguh memberangsangkan. Penampilan juga dijaga rapi, elok berbusana dan selera fesyennya cukup tinggi terus mata terpana melihat beg Celine Luggage yang dijinjing serta kasut Tod’s melengkapkan gaya. Kerjaya seninya tidak terhenti, pelbagai hendak dicuba.



‘TAPI APAKAN DAYA, REZEKI DALAM DUNIA LAKONAN YANG MUNCUL DAHULU’

Noor Neelofa

“Sebenarnya, sejak awal menceburi dunia hiburan Lofa mahu fokus dalam dunia pengacaraan. Tapi, apakah daya, rezeki dalam dunia lakonan yang muncul dahulu. Saya beri fokus sebagai pelakon dan filem pertama adalah Azura. Kini saya selesa mengacara rancangan televisyen. Namun, masih ada peluang untuk berlakon. Saya selalunya akan cuba untuk mengimbangi jadual. Lebih selesa untuk berlakon filem berbanding drama.” Syawal ini, filem keempatnya yang sarat dengan kisah romantik dan komedi berjudul Lemak Kampung Santan menyaksikan dia beraksi bersama Hans Isaac sebagai peneraju utama.

Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907

*Noor
Neelofa
& Fiza
Sabjahan*

Neelofa dan Fiza
menyarung dress
Versace lantas
membiaskan rasa
sensual mereka.
Cincin Versace.



Headline	The All Stars		
Media Title	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	Article Size	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	Ad Value	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907



GLAM

WAJAH GLAM

Apa pula cerita sebagai pengacara? “Semua sudah tahu Nona itu punya DNA yang tersendiri. Ia berjiwa lebih feminin dan fokus pada dunia wanita. Selain itu, saya juga berpeluang untuk mengemudi rancangan Meletop. Saya boleh menjadi diri sendiri semasa mengacara bersama Nabil. Paling terbaru, Lofa diberi kepercayaan untuk mengacara rancangan Dapur Panas. Ia adalah program memasak dan hos bersama Chef Nik Michael Imran. Lofa memang suka masak dan belajar resipi baru,” ujar Neelofa.

Bicara kami terus tertumpu fasal persiapan raya. “Mungkin tahun ini agak berbeza sedikit. Kakak-kakak saya semua sudah berkahwin dan mereka akan beraya bersama keluarga suami dahulu. Maka Lofa merancang untuk membawa ibu dan datuk ke kota suci Mekah untuk berpuasa dan beraya di sana. Pasti cukup meriah. Jadi ini kali pertama kami sekeluarga tidak pulang beraya ke Kelantan. Tapi baju raya tetap akan ada. Tahun lalu, Lofa terlalu sibuk dengan kerjaya, tidak sempat menjahit sendiri. Maka saya tempah beberapa helaian di Syaiful Baharim. Maka tahun ini, Lofa dah beli kain dan hantar ke pereka fesyen untuk siapkan sempena program majlis buka puasa dan sambutan rumah terbuka.” Pilihan rekaan baju raya lebih ringkas, tidak seperti tahun-tahun lalu yang sarat dengan perincian.

FIZA SABJAHAN Pengacara Wanita Hari Ini di saluran TV3 mempunyai persona yang tersendiri. Saya sendiri begitu asyik mendengar setiap patah perkataan yang keluar daripada mulut gadis bergelar Naib Juara Pengacara Jemputan Nona ini. Mungkin kerana dia sendiri adalah seorang pengacara rancangan televisyen lantas tidak mustahil untuk setiap kata-katanya tersusun indah. Hadir ke lokasi penggambaran kulit majalah GLAM, Fiza duduk diam di sudut sofa, dengan tangan sibuk menconteng kertas. “Masa sebeginilah saya berikan fokus pada dunia pelajaran pula, sebelum tunggu masa didandan. Kini saya ambil inisiatif sambung belajar dalam jurusan media untuk mendalami dunia komunikasi dan media.”

Biar pun membesar dengan rancangan Wanita

Hari Ini, Fiza sebenarnya bermula sebagai hos ramalan cuaca RTM 1. “Selepas menjadi pengacara bebas, barulah saya memberanikan diri untuk turut serta dalam pencarian Pengacara Jemputan Nona. Biarpun dapat tempat kedua, saya diberi kepercayaan mengemudi rancangan berbentuk majalah paling popular di Malaysia, Nona. Selama dua setengah tahun saya bersama Nona, bukan semuanya indah. Enam bulan pertama menjadi hos Nona adalah fasa yang cukup *struggling* buat saya.”

Sambung Fiza yang masih terus mengacara program khas Ramadan, Sembang Sahur bersama Faizal Ismail lagi, “Mungkin kerana saya orang baru dan Nona ini punya satu stigma yang cukup kuat. Bila cakap fasal Nona, semua akan bayangkan Datin Seri Normala Shamsuddin. Dia punya DNA yang cukup kuat. Saya juga sering dibandingkan dengan pengacara Nona yang lalu. Maka, saya mahukan pembaharuan. Paling penting adalah dengan membawa gaya penampilan yang lebih moden dan glamor. Masih ingat lagi dress pertama saya di Nona adalah rekaan Datuk Radzuan Radziwill. Saya belajar untuk tampil lebih elegan.” Fiza turut berkongsi yang bukan sahaja penampilan yang penting, kerana dalam dunia pengacara, penonton akan muak jika pengacara itu tidak mahir berbicara dan perlu didokong dengan isi yang menarik.

Sempat saya bertanya, apa pandangannya apabila dunia pengacara dimonopoli oleh pelakon dan penyanyi? “Persaingan dalam dunia pengacara sangat luas. Sesiapa sahaja boleh diberi kepercayaan untuk mengemudi sesebuah acara. Ia sebenarnya adalah satu persaingan yang positif. Benar, mesti ada buruk dan baiknya. Kami sebagai pengacara akan mengambil situasi ini untuk belajar agar menjadi lebih bagus. Seperti ketika saya menjadi pengacara Nona, saya akan habiskan masa berjam-jam untuk previu rancangan Nona dari era Normala Shamsuddin untuk belajar bagaimana pengacara yang lepas mengemudi rancangan ini. Manakala di Wanita Hari Ini, kami tidak punya skrip, maka akan lebih banyak kajian dan pembacaan dibuat untuk mendalami setiap topik yang bakal diperkatakan.”

KONSEP & PENATA GAYA: CHEAH WEI CHUN/CLANHOUSEONLINE.COM

GAMBAR: BUSTAMAM MOKHTAR/WHITE STUDIO. SOLEKAN: SHENG SAW MENGGUNAKAN CHANEL. DANDANAN: OLIVIA OOI
PENYELARAS: AIZAT AIDID. PEMBANTU PENYELARAS: NISA HALID, YUSAIRI FITRI, ATEENA SYUKRY

Headline	The All Stars		
MediaTitle	Glam		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Apa gaya parti anda?	Circulation	25,000
Page No	152to161	Readership	50,000
Language	Malay	ArticleSize	7204 cm ²
Journalist	AIZAT AIDID	AdValue	RM 59,302
Frequency	Monthly	PR Value	RM 177,907

GLAM

BELAKANG TABIR



↑ → NELYDIA ROSE, ADI PUTRA, NEELOFA DAN FIZA SABJAHAN ANTARA SELEBRITI YANG DIPILIH. NEELOFA DIDANDAN RAPI OLEH OLIVIA OOI SELAKU JURU DANDAN. BUSTAMAM MOKHTAR BERJAYA, MELAHIRKAN KEPINGAN GAMBAR YANG CUKUP HEBAT.

↑ → SESI TEMUBUAL MESRA PENOLONG PENGARANG FESYEN, AIZAT AIDID BERSAMA NELYDIA ROSE DAN KELIHATAN KESEMUA SELEBRITI WANITA CUBA MENDAPATKAN GAYA DAN POSISI TERBAIK.

↑ → PENGARAH KREATIF GLAM CUBA MEMBANTU FIZA SABJAHAN UNTUK MEMAKAI AKSESORI PILIHAN SEBELUM MELANGKAH BERAKSI DI HADAPAN LENSA. NORA DANISH, NELYDIA ROSE DAN ADI PUTRA SUDAH BERSEDIA UNTUK DIRAKAM.

HIGH GLAMOUR

KOLABORASI EKSKLUSIF BERSAMA TV3 MEMBAWA KEPADA COVER KALI INI YANG MENGHIMPUNKAN NAMA-NAMA BESAR DARI DUNIA SENI, BAIK DARI BIDANG LAKONAN ATAU PUN PROGRAM TV. SEKSI, MISTERI DAN PENUH GLAMOR DALAM VERSACE, SAKSIKAN PAPARAN DI SEBALIK TABIR SEWAKTU MEREALISASIKAN PENGGAMBARAN MUKA DEPAN BULAN INI.

TEKS: ATEENA SYUKRY. GAMBAR: MIRA MOHD NOOR.